



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 JANUARI 2026

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN LULUS IMPORT BEKALAN DAGING BABI DARI 66 RUMAH SEMBELHAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	AKPS RAMPAS DAGING, TULANG LEMBU SEJUK BEKU RM10,342, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 5	LAIN – LAIN
3.	SANGKAR IKAN TERDAMPAR ATAS 'LUMPUR TIMBUL', NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 20	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Kerajaan lulus import bekalan daging babi dari 66 rumah sembelihan

IPOH: Negara tidak mengalami kekurangan bekalan daging babi khususnya bagi memenuhi permintaan sempena Tahun Baharu Cina meski berlaku kekurangan operasi ladang ternakan babi ketika ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin berkata, kerajaan telah mengambil langkah meluluskan import dari rumah sembelihan seluruh dunia bagi mengatasi isu ladang ternakan babi dalam negara yang berkurangan akibat penularan wabak demam babi Afrika (ASF).

“Kerajaan telah mengambil langkah memastikan bekalan mencukupi dengan meluluskan import dari 66 buah rumah sembelih di seluruh dunia jadi tiada masalah bekalan buat masa ini.

“Mengenai isu harga, terdapat kekeliruan antara khinzir tempatan dan import. Secara majoritinya, harga daging beku adalah lebih murah berbanding daging tempatan,” katanya kepada pemberita pada Majlis Pecah Tanah Projek Kilang Sembelih Swasta (Khinzir) Moden Maju Bersatu (Perak) Sdn.

Bhd di Kawasan Perindustrian Tungzen, Kampung Kepayang di sini.

Katanya lagi, kerajaan akan sentiasa memastikan supaya bekalan daging khinzir tempatan mencukupi.

“Jika bekalan cukup, tiada alasan untuk kenaikan harga yang mendadak. Saya telah berjumpa dengan pengeluar daging khinzir di Perak yang membekalkan 60 peratus pasaran Semenanjung.

“Mereka mengesahkan tiada kenaikan harga di peringkat ladang. Jangan ada pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga dengan alasan kekurangan bekalan atau penutupan ladang tertentu,” katanya.

Berhubung cadangan kerajaan negeri Selangor ingin menjadikan Bukit Tagar sebagai tapak baharu ladang ternakan babi berpusat, Foon Hin memaklumkan, isu berkaitan tanah tertakluk kepada negeri tersebut.

Ujarnya, pihaknya hanya menetapkan prosedur operasi standard (SOP) dan piawaian industri serta membantu dari segi polisi dan insentif khususnya kepada penternak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	5

AKPS rampas daging, tulang lembu sejuk beku RM10,342

Sepang: Agensi Kawalan dan Perlindungan Semipadan Malaysia (AKPS) mematahkan cubaan membawa masuk daging dan tulang lembu sejuk beku bernilai RM10,342 menggunakan dokumen meragukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, kelmarin.

Rampasan dilakukan oleh Bahagian Pemeriksaan Barangan AKPS di Zon Perdagangan Bebas (FCZ), KLIA Kargo pada jam 9

malam.

AKPS dalam kenyataan berkata, dagangan berkenaan diimport dari Australia oleh sebuah syarikat tempatan.

"Hasil pemeriksaan mendapati pihak terbabit mengemukakan dokumen yang mengelirukan dan tidak lengkap bagi tujuan pengimportan.

"Susulan itu, sejumlah 109.44 kilogram daging dan tulang lembu sejuk beku ditahan untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) atas kesalahan mengemukakan dokumen yang mengelirukan.

"AKPS menegaskan akan terus memperkukuhkan kawalan dan pemeriksaan di pintu masuk negara bagi memastikan pematuhan undang-undang serta menjamin keselamatan makanan dan kepentingan awam," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

Sangkar ikan terdampar atas 'lumpur timbul'

Kuala Berang: Lebih 50 sangkar ikan di Kampung Pantai Ali, di sini, terdampar di atas 'lumpur timbul' ketika air sungai mulai surut, menyebabkan penternak ikan sangkar mengalami kerugian kerana tumbesaran ikan terjejas.

Penasihat merangkap Bendahari Kelompok Ternakan Ikan Sangkar Kampung Pantai Ali, Zakaria Ismail, 69, berkata aktiviti ternakan ikan sangkar di kawasan itu bermula sejak 2000 dan menjadi sumber pendapatan utama penduduk setempat.

Bagaimanapun, beliau berkata, masalah mula timbul sejak tiga hingga empat tahun kebelakangan ini apabila mendapan tanah mengakibatkan lumpur mula timbul terutama apabila paras sungai surut.

Katanya, penternak di kawasan itu berharap tindakan segera dapat diambil bagi memastikan keadaan sungai dapat dipulihkan, sekali gus membantu meningkatkan lagi hasil pengeluaran ikan air tawar untuk bekalan pasaran tempatan.

"Kami berharap pihak berkenaan dapat mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah selut timbul supaya industri ternakan ikan sangkar di kawasan ini tidak terjejas bagi jangka panjang," katanya.

Penternak, Mohamad Na'iman



Mohamad Na'iman berjalan di dalam sangkar ikan berikutan keadaan sungai yang cetek di kawasan penternakan ikan sangkar Kampung Pantai Ali, Kuala Berang. (Foto Nazdy Harun/BH)

Mohd Abdullah, 32, berkata kejadian itu menyebabkan kitaran ternakan ikan terganggu sehingga memaksa ikan dipindahkan ke sangkar lain bagi mengelak kerugian lebih besar.

"Keadaan ini bukan baharu, sebaliknya sudah berlarutan sejak tiga hingga empat tahun lalu, namun kali ini lebih teruk.

"Lumpur timbul akan menyebabkan air keruh dan menjejaskan pergerakan ikan dalam sangkar, selain sangkar berhampiran tebing tidak boleh digunakan," katanya.

Mohamad Na'iman berkata, terdapat kira-kira 250 sangkar ikan di kawasan itu dengan lapan daripada peserta terjejas teruk akibat masalah berkenaan.

"Hingga kini, belum ada tindakan diambil pihak berkaitan bagi memastikan keadaan lumpur sungai kembali pulih.

"Sebelum ini, kami dimaklumkan ada pihak mahu menyedut lumpur yang tebal itu, tetapi sampai sekarang belum ada sebarang perkembangan mengenainya," katanya.

Katanya, 85 peratus ternakan

sangkar itu membabitkan ikan tilapia, selain ikan baung dan ikan keli yang memerlukan pengairan yang baik untuk pembiakan.

Tempoh penuaian ikan bergantung kepada saiz benih, namun kebiasaannya mengambil masa enam hingga tujuh bulan sebelum boleh dituai sepenuhnya.

"Jika benih ikan lebih besar, empat hingga lima bulan sudah boleh dikeluarkan hasil, tetapi dengan keadaan lumpur timbul yang berterusan ini, proses ternakan menjadi sukar hingga menjejaskan hasil kami," katanya.